

Bank digital diminta bantu tingkat transaksi e-pembayaran

Sasaran 400 transaksi setiap orang mampu dicapai lebih awal

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Malaysia boleh mencapai sasaran 400 transaksi e-pembayaran per kapita atau setiap orang lebih awal berbanding sasaran asal menjelang 2026, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, sasaran itu boleh dicapai menerusi kehadiran bank digital yang akan memperhebatkan transformasi digital di negara ini.

Katanya, kehadiran bank digital memberi penerokaan baharu dari segi digital, malah ia juga memberi peluang kepada rakyat, terutama mereka yang kurang mendapat akses perbankan dapat menikmati kemudahan perbankan dengan lebih mudah.

Jelasnya, selain menyediakan perkhidmatan tanpa tunai, dengan adanya bank digital memberi ruang yang lebih besar kepada penyertaan yang lebih ramai terhadap perkhidmatan perbankan.

“Terdapat peningkatan transaksi e-pembayaran sejak 2011, namun angkanya dilihat masih rendah dan menjadi tanggungjawab semua pihak untuk menyebarkan manfaat penggunaan kemudahan ini kepada semua rakyat Malaysia.

“Sasaran ditetapkan ialah 400 transaksi per kapita (menjelang) 2026. Ini bukan sasaran yang tinggi dan sukar untuk dicapai. Saya



Anwar melancarkan aplikasi Boost Bank sambil diperhatikan Gobind dan Fozia di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

jangka kalau kita ada asakan lebih kuat kita harus capai lebih awal,” katanya.

Beliau berkata demikian pada pelancaran aplikasi Boost Bank dengan pengalaman ‘embedded onboarding’ pertama yang kini dibuka untuk kegunaan awam.

Yang hadir sama, Menteri Digital, Gobind Singh Deo; Pengerusi Boost Bank, David Lau dan Ketua Pegawai Eksekutif Boost Bank, Fozia Amanulla.

Tingkat celik digital

Dalam pada itu, Anwar juga menyeru supaya bank digital di negara ini memperhebatkan usaha meningkatkan celik digital dalam ka-

langan rakyat menerusi perkhidmatan yang ditawarkan.

Beliau berkata, selain memberi maklumat biasa perbankan kepada pengguna, bank digital juga harus memaklumkan kepada pengguna mengenai penemuan baharu berkaitan digital.

Katanya, semua pihak harus berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan rakyat mampu memahami kecekapan digital, bagi memanfaatkan perkembangan teknologi terkini, termasuk kecerdasan buatan (AI).

“Saya harap keluarga dalam Boost Bank ini, Axiata dan RHB sebagai tonggakannya turun untuk menyebarkan kemudahannya supaya

dimanfaatkan oleh PMKS sebagai keutamaannya dan kepada rakyat terbanyak, ini baru ada makna keterangkuman,” katanya.

Perdana Menteri berkata, usaha itu akan dibantu oleh Kementerian Digital dalam memberi idea dan saranan yang sesuai kepada Boost Bank.

Anwar turut meminta laporan berkaitan usaha dilakukan Boost Bank itu dibentangkan oleh Menteri Digital kepada Kabinet dalam tempoh enam bulan.

Boost Bank dimiliki oleh RHB Bank yang memegang 40 peratus ekuiti dan 60 peratus ekuiti lagi oleh Boost Holdings Sdn Bhd, anak syarikat tidak langsung Axiata

Group Bhd.

Ia memulakan operasi berfasa sejak Januari 2024 dan sebagai bank digital tempatan yang pertama, Boost Bank berpegang kepada misi mencetuskan revolusi perbankan yang memenuhi keperluan semua rakyat Malaysia.

Keunggulan Boost Bank yang membezakannya dalam pasaran adalah status sebagai konsortium perbankan digital pertama yang menggabungkan kepakaran pemain teknologi kewangan (fintech) dan perbankan, membolehkan Boost Bank memanfaatkan potensi ‘embedded banking’ yang membuka akses kewangan untuk semua.